

Pegawai kerajaan naik pangkat perlu tapisan SPRM

BH. 10/1/2017 ms. 5

Putrajaya: Pegawai kerajaan yang diperakukan kenaikan pangkat, perlu melepassi Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa syarat yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

JPA dan jabatan yang berkenaan, akan memastikan semua syarat yang ditetapkan dipenuhi termasuk mengemukakan permohonan Tapisan Keutuhan kepada pihak SPM, setiap kali urusan kenaikan pangkat pegawai awam dilaksanakan.

Dalam satu kenyataan semalam, JPA menjelaskan, Tapisan Keutuhan SPRM turut dibuat bagi urusan pelantikan dan penempatan pegawai kanan perkhidmatan awam termasuk Ketua Setiausaha (KSU) dan ketua jabatan kementerian.

Tertakluk peraturan

“Dalam hal ini, ingin ditegaskan bahawa semua penjawat awam, tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dan tiada yang terkecuali.

“Sekiranya pegawai yang dicadangkan untuk mengisi jawatan tertentu sudah melepassi semua tapisan termasuk tapisan SPRM, maka baru urusan penempatan dan

kenaikan pangkat pegawai dilaksanakan.

“Namun, siasatan dan pertuduhan yang disabitkan pada bila-bila masa, selepas penempatan serta kenaikan pangkat tertentu tidak menghalang tindakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa diambil,” katanya.

JPA sentiasa kerjasama

Mengikut kenyataan sama, sebagai langkah mengukuhkan integriti perkhidmatan awam, JPA sentiasa bekerjasama dengan pihak SPRM dan Jabatan Audit Negara, dalam memastikan integriti penjawat awam terus dipantau dari semasa ke semasa.

JPA turut memaklumkan, urusan kenaikan pangkat bagi semua pegawai awam adalah tertakluk kepada peraturan di bawah Perintah Am Bab A 1973, Surat Edaran JPA 1984, Surat Edaran JPA 1997 dan Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005].

Semua perkara berkaitan diperjelaskan seterusnya melalui Pelikiling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 – Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Info

Pegawai kerajaan yang diperakukan kenaikan pangkat perlu penuhi syarat berikut

→ **Disahkan** dalam perkhidmatan

→ **Mencapai** tahap prestasi ditetapkan

→ **Diperakui** Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

→ **Bebas** daripada hukuman

tatatertib

→ **Sudah** mengisyiharkan harta

→ **Lulus** tapisan keutuhan SPRM

→ **Memenuhi** syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga

[GAMBAR HIASAN]



Kakitangan awam yang dinaikkan pangkat perlu melepassi Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.